

UCAPAN PERASMIAN

**YANG BERHORMAT DATO SRI ALEXANDER NANTA LINGGI
MENTERI KERJA RAYA**

**MAJLIS PEMBUKAAN SEKSYEN 6
PERSIMPANGAN BERTINGKAT BANDAR BUKIT RAJA UTARA KE
PERSIMPANGAN BERTINGKAT ASSAM JAWA
LEBUHRAYA PESISIRAN PANTAI BARAT (WCE)**

20 NOVEMBER 2023

YBhg. Dato' Zahrul Hakim bin Abdullah
Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar dan Pembangunan)

YBrs. Ir. Sazali Bin Harun
Ketua Pengarah Lembaga Lebuhraya Malaysia

Yang Berbahagia Datuk Ir. Hamzah Hasan,
Pengerusi West Coast Expressway

Yang Berusaha En. Lyndon Alfred Felix
Pengarah Urusan West Coast Expressway

Yang Berusaha En. Lee Chun Fai
Ketua Eksekutif IJM Corporation Berhad

Wakil-wakil Kementerian, Lembaga Lebuhraya Malaysia, agensi-agensi kerajaan dan swasta, Syarikat-syarikat Konsesi, rakan-rakan media, Tuan-tuan, puan-puan dan para hadirin yang dihormati sekalian.

Salam sejahtera dan salam Malaysia MADANI,

Hadirin yang dihormati sekalian,

Saya amat berbesar hati berada di sini pada hari ini, untuk bersama-sama meraikan pembukaan Seksyen 6, Persimpangan Bertingkat Bandar Bukit Raja Utara ke Persimpangan Bertingkat Assam Jawa, Lebuhraya Pesisiran Pantai Barat atau lebih dikenali sebagai West Coast Expressway (WCE).

Setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah diucapkan kepada Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) dan West Coast Expressway Sdn. Bhd. (WCE) diatas kejayaan pembukaan Lebuhraya WCE Seksyen 6 ini. Ucapan tahniah dan terima kasih juga saya titipkan kepada semua agensi kerajaan dan swasta yang sentiasa bekerjasama dalam menjayakan projek lebuh raya ini.

Hadirin sekalian,

Lebuhraya Pesisiran Pantai Barat (WCE) merupakan satu contoh jelas komitmen kerajaan dalam membina rangkaian lebuh raya secara lebih terancang, sistematik dan cekap bagi meningkatkan kesalinghubungan rakyat di kawasan Pesisiran Pantai Barat Semenanjung Malaysia. Lebuhraya WCE merupakan laluan alternatif terbaru yang menghubungkan antara Negeri Selangor dan Negeri Perak melibatkan pembinaan jajaran lebuh raya di sepanjang kawasan Banting, Shah Alam, Kuala Selangor, Tanjung Karang di Selangor dan seterusnya, menyambung jajarannya di kawasan Hutan Melintang, Teluk Intan, Seri Manjung, Beruas sehingga ke Taiping di Negeri Perak.

Pembinaan Lebuhraya WCE di kawasan Pesisiran Pantai Barat ini bertujuan untuk memperluaskan jaringan pengangkutan dan keterhubungan antara pekan serta daerah ke pusat pertumbuhan yang berpotensi seperti pelabuhan, kawasan perindustrian dan pusat-pusat komersial serta logistik di sepanjang jajarannya.

Ini terbukti dengan jelas apabila pembukaan Lebuhraya WCE Seksyen 5 dari Bandar Bukit Raja Selatan (NNKSB) ke Bandar Bukit Raja Utara pada

tahun 2019 yang lalu, kini dipenuhi dengan pusat aktiviti perindustrian dan logistik yang sedang dibangunkan di sepanjang jajaran Seksyen 5.

Rangkaian lebuh raya yang cekap dan sistematik bermakna aktiviti logistik dan pengangkutan barang dapat dijalankan dengan lebih pantas bersama kos yang lebih murah. Ini seterusnya, dapat meningkatkan daya saing perniagaan, menarik pelaburan, dan memacu pertumbuhan ekonomi di Selangor dan seluruh wilayah Pantai Barat. Sebagai Menteri Kerja Raya, saya komited untuk mempromosikan projek infrastruktur yang menyumbang kepada kemakmuran ekonomi negara.

Uniknya pembinaan Lebuhraya WCE adalah terdapat dua jajaran di Jalan Persekutuan FT5 yang bergabung terus dengan lebuh raya ini. Dua jajaran bebas tol ini iaitu antara Tanjung Karang ke Sabak Bernam sepanjang 50 kilometer dan Teluk Intan ke Lekir sepanjang 32.8 kilometer telah dinaiktaraf oleh pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) untuk memastikan peralihan yang lancar dan selesa buat pengguna.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

Pembukaan Lebuhraya WCE Seksyen 6 dari Persimpangan Bertingkat Bandar Bukit Raja Utara ke Persimpangan Bertingkat Assam Jawa dijangka dapat membantu pertumbuhan ekonomi terutama untuk penduduk setempat sekaligus memberi impak sosio-ekonomi yang lebih besar kepada negara dan negeri Selangor secara khususnya. Aktiviti harian penduduk setempat dapat dilaksanakan dengan lebih mudah dan menggalakkan lagi pertumbuhan sektor pelancongan khususnya di kawasan sekitar Kuala Selangor.

Perjalanan dari Kapar ke Assam Jawa/Ijok yang dulunya mengambil masa sekitar 45 minit, kini dijangka dapat dipendekkan kepada 15 minit sahaja dengan melalui Lebuhraya WCE.

Pengunjung dari ibu kota misalnya dapat meneroka keindahan tempat pelancongan menarik di sekitar Ijok, Kuala Selangor dengan jarak dan masa yang lebih pendek. Perkembangan sektor pelancongan ini membolehkan semua peringkat masyarakat dapat menikmati limpahan ekonomi yang akan merapatkan lagi jurang pendapatan rakyat serta mengecilkan jurang pembangunan antara wilayah.

Hadirin sekalian,

Di samping meraikan impak ekonomi dan sosial, adalah penting juga untuk diingat bahawa Lebuhraya WCE telah direka dengan standard lebuh raya moden untuk alam sekitar yang mampan, mencerminkan komitmen kita kepada kelestarian alam sekitar. Selain menggalakkan penggunaan teknologi hijau dalam pembinaan lebuh raya, penyelarasaran trafik yang lebih baik dan masa perjalanan yang lebih singkat dapat membantu kepada pengurangan pelepasan karbon dan peningkatan kualiti udara.

Pembinaan jajaran lebuh raya yang digerakkan bersama oleh Kerajaan dan pihak swasta menerusi dasar Penswastaan, telah memberikan manfaat yang besar kepada semua. Ia telah memainkan peranan penting dalam membentuk landskap baru jaringan pengangkutan negara di kawasan pesisir Pantai Barat, mencerminkan komitmen tidak berbelah bagi kerajaan dalam memperkuuhkan kebolehcapaian pembangunan infrastruktur kearah urus tadbir negara yang lebih baik. Jelas menjadi

tanggungjawab semua pihak untuk memastikan kualiti lebuh raya sentiasa berada dalam keadaan yang baik bagi memastikan keselamatan dan keselesaan semua selaras dengan inisiatif Kempen MyJalan.

Saya ingin mengucapkan syabas dan setinggi tahniah kepada KKR, LLM dan semua pihak yang terlibat sama ada agensi kerajaan seperti UKAS, Kementerian Kewangan, Jabatan Peguam Negara, JKPTG, PTG Selangor, JPHH dan lain-lain mahupun jurutera perunding HSS Integrated Sdn. Bhd. dan arkitek Archimetry Sdn. Bhd., kontraktor-kontraktor dan lain-lain yang berkaitan dalam pembinaan Lebuhraya WCE ini. Kementerian Kerja Raya sentiasa komited memberi sokongan sepenuhnya dalam merealisasikan pembinaan jaringan lebuh raya yang memberi manfaat kepada seluruh rakyat.

Kepada WCE, saya ingin mengucapkan tahniah atas pembukaan jajaran baharu ini. Teruskan komitmen anda untuk memastikan lebuh raya ini dapat digunakan sepenuhnya dalam masa terdekat.

Akhir kata, saya dengan ini merasmikan Pembukaan Seksyen 6 Persimpangan Bertingkat Bandar Bukit Raja Utara ke Persimpangan Bertingkat Assam Jawa, Lebuhraya Pesisiran Pantai Barat (WCE).

Saya dengan sukacitanya mengumumkan laluan ini akan dibuka kepada pengguna lebuh raya bermula dari **jam 12.01 pagi, 21 November 2023 (Selasa)**. Pengecualian tol akan diberikan **mulai 21 November 2023, jam 12.01 minit pagi sehingga 2 Januari 2024, jam 11.59 malam** kepada pengguna lebuh raya yang memasuki Lebuhraya WCE Seksyen 6 ini dari Plaza Tol Bandar Bukit Raja Utara ke Plaza Tol Assam Jawa atau sebaliknya (di kedua-dua arah).

Manakala bagi pengguna yang memasuki Lebuhraya WCE dari Seksyen 5 iaitu dari Plaza Tol Bandar Bukit Raja Selatan (NNKSB) ke Plaza Tol Assam Jawa atau sebaliknya (di kedua-dua arah), nilai kadar tol Seksyen 5 sedia ada mengikut jenis kelas kenderaan masing-masing akan dikenakan seperti biasa.

Sekian, terima kasih.